



SIARAN AKHBAR

GERAN RM2.96 JUTA BERI MANFAAT KEPADA 48 PERUSAHAAN KECIL KAUM INDIA

KUALA LUMPUR, 19 Mac 2025 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya, SME Corp. Malaysia telah meluluskan bantuan geran berjumlah RM2.96 juta kepada 48 perusahaan kecil milikan kaum India di bawah *Business Accelerator Programme for Indian Small Business (I-BAP)*, sehingga kini. Program I-BAP yang telah dibuka bermula 7 Oktober 2024 hingga 31 Oktober 2024 ini bertujuan meningkatkan keupayaan syarikat milikan kaum India menerusi khidmat nasihat perniagaan dan sokongan kewangan dalam bentuk geran padanan sehingga RM100,000.

Majlis Ramah Mesra serta sesi penyerahan surat tawaran kepada penerima I-BAP telah diserikan dengan kehadiran YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi hari ini. Majlis yang dianjurkan bersempena dengan Hari Terbuka Hab PMKS ini telah dihadiri oleh lebih 100 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk 26 perusahaan kecil milikan kaum India penerima I-BAP.

YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan dalam ucapannya telah mengumumkan berita baik mengenai I-BAP, “Mengambilkira sambutan baik yang diterima daripada PMKS, sukacita saya ingin mengumumkan bahawa permohonan untuk program ini akan dibuka semula mulai 7 April 2025 secara dalam talian. Selain itu, bagi membolehkan lebih ramai PMKS mendapat manfaat di bawah program ini, kriteria kelayakan telah ditambah baik iaitu tiada ketetapan bagi had minimum jumlah jualan tahunan untuk memohon I-BAP berbanding sebelum ini di mana hanya perniagaan dengan jualan tahunan melebihi RM300,000 setahun sahaja yang layak memohon”.

“Selain itu, bagi mempercepatkan penyaluran geran, keutamaan akan diberikan kepada projek yang telah selesai dilaksanakan dan telah membuat pembayaran kepada pembekal bermula 1 Jun 2024”, tambah beliau lagi.

Manakala YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dalam majlis yang sama berkata, “Dengan dana yang diperuntukkan sebanyak RM6 juta, SME Corp. Malaysia telah menerima sebanyak 81 permohonan daripada perusahaan kecil milikan kaum India di bawah I-BAP pada tahun 2024. SME Corp. Malaysia kekal komited dalam memberikan sokongan kepada PMKS agar lebih berdaya tahan, dan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang akan bermula pada tahun hadapan, penekanan akan diberi kepada usaha meningkatkan penskalaan PMKS bagi melonjakkan sumbangan mereka kepada ekonomi negara”.

Majlis Ramah Mesra bersama YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan hari ini juga menyediakan platform untuk mengeratkan hubungan dan meningkatkan kerjasama di antara SME Corp. Malaysia dengan penerima geran dalam kalangan usahawan India selain menggalakkan jaringan (*networking*) yang dapat meningkatkan peluang keusahawanan dan perniagaan. Di samping itu, penerima geran turut berpeluang berjumpa dan menyampaikan maklum balas secara langsung kepada YB Timbalan Menteri dan SME Corp. Malaysia.

Dalam majlis yang sama, TEKUN dan SME Bank turut dijemput untuk memberikan sesi taklimat berkenaan peluang pembiayaan yang ditawarkan kepada PMKS. Selain itu, lebih daripada 10 ruruai juga telah dibuka di Hari Terbuka Hab PMKS, termasuk syarikat penerima geran I-BAP untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka. Hadir sama, YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

Untuk mengetahui maklumat terkini mengenai bantuan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia, PMKS boleh melayari laman sesawang di pautan www.smecorp.gov.my dan saluran media sosial rasmi SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my